



“KEUTAMAAN MENJAGA KETURUNAN”.1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ۝</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita memperbanyakkan zikir kepada Allah SWT dan memperbanyakkan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW di samping sentiasa berusaha melaksanakan segala sunnah-Nya. Mudah-mudahan ianya akan memberikan manfaat kepada kita di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Mimbar Jumaat pada hari yang berbahagia ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk “KEUTAMAAN MENJAGA KETURUNAN”.</p> <p>Hadirin yang dimuliakan Allah SWT,</p>	6
<p>Islam menggalakkan umatnya yang berkemampuan untuk berkahwin. Ia merupakan sunnah nabi SAW yang boleh melangsungkan zuriat dan keturunan manusia di atas muka bumi ini sebagai khalifah. Perkahwinan ini bakal membina keluarga bahagia berlandaskan syariat.</p>	7
<p>Nabi SAW bersabda sebagaimana yang diriwayatkan daripada Aisyah Radhiallahu Anha:</p> <p>النِّكَاحُ مِنْ سُنَّتِي ، فَمَنْ لَمْ يَعْمَلْ بِسُنَّتِي فَلَيْسَ مِنِّي</p> <p>“Nikah itu adalah sunnahku, sesiapa yang tidak beramal dengan sunnahku, bukan daripada aku.”</p> <p>(Riwayat Ibn Majah).</p>	8



Daripada ikatan perkahwinan inilah akan berkembangnya keturunan yang membentuk satu keluarga. Para tetamu Allah sekalian,	9
Menjaga atau memelihara keturunan merupakan salah satu daripada maqasid al-syariah iaitu objektif pensyariaan. Perkahwinan menjadi laluan utama ke arah menjaga keturunan dengan cara yang sah.	10
Firman Allah SWT dalam surah an-Nisa ayat 1: يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً	11
<i>"Wahai sekalian manusia! bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu Adam, dan yang menjadikan daripada Adam itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai..."</i>	12
Muslimin yang dirahmati Allah sekalian, Zuriat dan keturunan merupakan nikmat Allah SWT kepada para hamba-Nya. Selain ia merupakan pengikat kasih di antara pasangan suami isteri, ia juga menjadi sebab kesyukuran dan kebanggaan satu generasi ke satu generasi tanpa terputus.	13
Oleh kerana itulah, kita disuruh untuk mengenang dan mengucapkan syukur kepada Allah dan juga terhadap kedua ibu bapa kita yang menjadi sebab kewujudan kita dengan izin Allah SWT. Firman-Nya dalam surah Luqman ayat 14: أَنْ أَشْكُرَ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ <i>"(Dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibu bapamu, dan (ingatlah) kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan)."</i>	14



<p>Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,</p> <p>Kemuliaan keturunan dalam Islam hanya diterima daripada ikatan perkahwinan yang telah ditetapkan oleh syarak. Ini telah dijelaskan oleh Nabi SAW menjadi kaedah untuk menetapkan nasab keturunan seseorang menerusi sabdanya sbagaimana yang diriwayatkan oleh Aisyah Radhiallahu Anha:</p> <p style="text-align: center;">الْوَلَدُ لِلْفِرَاشِ وَلِلْعَاهِرِ الْحَجَرُ</p> <p><i>"Anak itu (dinasabkan) kerana perkahwinan, dan bagi yang berzina (ditahan) hak nasabnya."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	15
<p>Ini adalah keadilan Islam menerusi syariatnya yang merupakan cara hidup yang menaungi setiap tindakan manusia, bukannya mengikut gerak hati dan logik akal semata-mata. Mengikut hawa nafsu dan membelakangkan syariat hanya akan membawa kepada kerosakan dan kecelaruan keturunan yang sepatutnya dijaga.</p>	16
<p>Bagi mengelakkan kecelaruan dalam keturunan umat Islam, Jawatankuasa Fatwa Selangor telah memutuskan keadaan-keadaan yang boleh menyebabkan status anak itu sebagai anak tidak sah taraf iaitu:-</p> <ol style="list-style-type: none">I. Anak yang dilahirkan tanpa nikah sama ada hasil daripada zina, rogol atau melalui cara saintifik yang bertentangan dengan Hukum Syarak;II. Anak yang dilahirkan kurang daripada 6 bulan 2 lahzah qamariah dari waktu "imkan al-dukhl" (persetubuhan) dan bukan hasil daripada persetubuhan syubhah; danIII. Anak yang dilahirkan lebih daripada 6 bulan 2 lahzah qamariah dari segi waktu "imkan al-dukhl" selepas akad yang sah, tetapi ada bukti dari segi syarak bahawa anak tersebut ialah anak tanpa nikah melalui ikrar (pengakuan) mereka yang berkenaan (suami dan isteri tersebut atau salah seorang daripadanya), atau 4 orang saksi yang cukup syarat.	17
<p>Ini menunjukkan betapa isu nasab tidak boleh dipandang remeh malah sangat dititikberatkan dalam Islam.</p> <p>Muslimin yang berbahagia,</p>	18
<p>Menerusi hadis riwayat Aisyah Radhiallahu Anha tadi, Imam al-Nawawi telah menegaskan bahawa lelaki yang berzina tidak mempunyai hak nasab terhadap anak yang dilahirkan oleh pasangannya.</p>	19



<p>Jelaslah kepada kita bahawa anak tidak sah taraf tidak boleh dibin atau dibintikan kepada bapa biologinya jika dibinkan juga maka ia boleh mengundang mudharat dan masalah yang lebih besar lagi antaranya ialah:-</p> <ol style="list-style-type: none">I. Perkahwinan anak tidak sah taraf yang berwalikan bapa biologinya adalah tidak sah.II. Anak tidak sah taraf akan menuntut hak yang sama seperti anak-nak lain dalam harta pusaka, sedangkan dia tidak mewarisi dan diwarisi daripada bapa biologinya.III. Akan melahirkan umat yang celaru keturunannya, kerana menasabkan seseorang kepada bukan keturunannya yang sebenar menurut syarak.IV. Akan membawa kepada berleluasanya kelahiran anak tidak sah taraf dalam masyarakat.	20
<p>Justeru itu, berdasarkan mudharat dan kerosakan ini, maka hukum menasabkan anak tidak sah taraf kepada bapa biologinya adalah tidak diharuskan. Ini berdasarkan kaedah fiqh yang berbunyi:</p> <p style="text-align: center;">دَرْءُ الْمَفَاسِدِ مُقَدَّمٌ عَلَى جَلْبِ الْمَصَالِحِ</p> <p><i>"Menghindarkan kerosakan lebih diutamakan daripada mencari kemaslahatan."</i></p>	21
<p>Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,</p> <p>Sesungguhnya anak yang dilahirkan tidak menanggung dosa ibu dan pasangannya yang berzina. Anak ini adalah dilahirkan dalam keadaan fitrah. Islam mengiktiraf hak mereka dalam urusan ibadah, pendidikan dan amal soleh. Oleh itu, khatib ingin menasihatkan umat Islam agar tidak memandang serong terhadap anak-anak tidak sah taraf. Ikutilah ketetapan hukun Syarak dan hindarilah stigma dan persepsi negatif.</p>	22
<p>Ayat ini menegaskan bahawa zina adalah perbuatan keji, dan semua jalan yang boleh membawa kepada zina adalah diharamkan sama sekali.</p>	25



<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Dikesempatan ini, berikutan penularan wabak Covid-19 yang semakin meruncing di kebanyakan Negara dunia dan juga telah mula dikesan di Negara ini, maka mimbar ingin mengingatkan seluruh jemaah untuk mengambil langkah-langkah pencegahan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Selalu mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan,2. Sentiasa menutup mulut dan hidung dengan tisu apabila batuk mahupun bersin, seterusnya membasuh tangan dengan serta merta,3. Semasa dalam tempoh lawatan, sentiasa membawa bersama penutup mulut dan hidung serta bahan pencuci tangan untuk digunakan apabila perlu,4. Elakkan dari mengunjungi tempat tumpuan ramai dan tidak bergaul rapat dengan mana-mana individu yang bergejala,5. Elakkan dari melawat ke ladang haiwan, pasar yang menjual haiwan hidup, tempat sembelihan haiwan atau menyentuh sebarang jenis haiwan,6. Segera mendapatkan rawatan perubatan sekiranya jatuh sakit (iaitu mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan seperti demam, batuk mahupun kesukaran untuk bernafas) dalam tempoh 14 hari selepas pulang dari lawatan tersebut. Begitu juga, maklumkan mengenai sejarah perjalanan dari negara yang terlibat kepada doktor yang merawat.	26
<p>Muslimin yang dirahmati Allah,</p> <p>Mengakhiri khutbah minggu ini, khatib ingin berpesan kepada hadirin sekalian agar berpeganglah kepada pedoman-pedoman berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam wajib kembali kepada petunjuk al-Quran dan al-Sunnah agar selamat di dunia dan di akhirat.2. Umat Islam mestilah mengutamakan dan menjaga keturunan dengan mengelakkan diri daripada sebarang perkara yang membawa kepada kecelaruan nasab dan keturunan.3. Umat Islam hendaklah menjauhi maksiat zina dan semua jalan yang boleh mendorong kepada perbuatan zina.	27
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ أَفْحُكْمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُونَ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ حُكْمًا لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ ۝</p>	28
<p><i>"Apakah hukum Jahiliah yang mereka kehendaki? Dan (Hukum) siapakah yang lebih baik daripada (Hukum) Allah bagi orang yang yakin".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Maidah : 50).</i></p>	29



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	30
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.	31



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،
9	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
10	اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج
11	فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.



<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	12
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Ahmadiyah atau Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah dan Ajaran Millah Abraham.</p>	13
<p>Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19 dan lain-lain.</p>	14
<p>نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ، بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	115
<p>اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّبَا وَالزِّنَا وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.</p>	16
<p>اللَّهُمَّ أَنْتَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، أَنْتَ الْغَنِيُّ وَنَحْنُ الْفُقَرَاءُ، نَعُوذُ بِكَ مِنْ زَوَالِ نِعْمَتِكَ وَتَحَوُّلِ عَافِيَتِكَ وَفَجَاءَةِ نِقْمَتِكَ وَجَمِيعِ سَخَطِكَ.</p>	17
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	18
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	19
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠﴾</p>	20



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ ۖ يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِن فَضْلِهِ ۖ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.